

**TEKS UCAPAN ALUAN  
Y.BHG. TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KE 7  
DI PUSAT KONVENSYEN A'BANGSA PUTRAJAYA  
11 JANUARI 2007 (KHAMIS), 9.00 PAGI**

*Bismillahir rahmanir rahim*

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan  
Salam Sejahtera**

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Bin Hj.  
Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia,**

**Yang Berhormat Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan  
Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen,**

**Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua  
Perkhidmatan, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua  
Eksekutif Badan-Badan Berkanun dan Syarikat  
Berkaitan Kerajaan**

**Serta warga Perkhidmatan Awam yang dihormati  
sekalian.**

**Terlebih dahulu marilah kita sama-sama  
memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana  
dengan limpah kurnia dan izin Nya jua kita dapat  
berhimpun pada pagi ini, dalam Majlis Perdana  
Perkhidmatan Awam kali yang ketujuh. Warga**

Perkhidmatan awam ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, di atas keprihatinan Y.A.B. Dato' Seri kepada Perkhidmatan Awam selama ini. Kehadiran Y.A.B. Dato' Seri di Majlis ini amatlah signifikan sebagai suatu dorongan kepada kami semua untuk bekerja dengan lebih komited sebagai satu pasukan demi merealisasikan Visi dan Misi Negara.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Y.B. Menteri-Menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Sesungguhnya kehadiran anggota-anggota pentadbiran dan juga perkhidmatan awam pada hari ini amatlah bermakna bagi mengekalkan dan memperkukuhkan kerjasama erat yang telah terjalin selama ini dalam pentadbiran negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Majlis Perdana Perkhidmatan Awam atau MAPPA dianjurkan bertujuan untuk memberi peluang kepada warga perkhidmatan awam, badan-badan berkanun serta syarikat-syarikat berkaitan kerajaan mendengar

amanat dan nasihat secara langsung daripada Y.A.B. Perdana Menteri, khususnya, mengenai hala tuju dan cabaran negara. Majlis ini juga memberi peluang kepada anggota perkhidmatan awam, badan-badan berkanun dan GLCs untuk berinteraksi dan berdialog secara langsung dengan Y.A.B. Perdana Menteri mengenai isu-isu semasa yang berkaitan dengan kepentingan perkhidmatan awam dan negara.

4. Tahun 2006 baru sahaja berlalu, dan pelbagai pengalaman dan cabaran telah ditempuhi oleh perkhidmatan awam di sepanjang tempoh tersebut. Kita seharusnya mengambil peluang ini untuk melihat kembali secara kritikal usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk memenuhi hasrat dan harapan pucuk pimpinan negara, serta pelanggan kita.

5. Mengimbas kembali pengalaman dan usaha pembaharuan yang lalu, perkhidmatan awam telah memberikan perhatian utama kepada usaha-usaha peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan, khususnya dengan mengurangkan karenah birokrasi melalui proses penambahbaikan sistem dan prosedur, serta mengemaskinikan undang-undang dan peraturan. Aspek ini akan terus menjadi fokus dan agenda

penting perkhidmatan awam dalam usaha meningkatkan daya saing negara. Umpamanya, mulai 1 November 2006, semua bil dan tuntutan yang lengkap diterima daripada semua pembekal perkhidmatan dan barangan, dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima, berbanding dengan 30 hari sebelum ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Perkhidmatan awam sedang memantapkan pemahaman dan pembangunan petunjuk-petunjuk prestasi utama atau KPI (*key performance indicators*) dalam mengesan dan memantau prestasi organisasi sektor awam, khususnya dari aspek pengukuran produktiviti dan peningkatan kualiti perkhidmatan yang disampaikan. Sistem pemantauan menerusi KPI ini akan dapat membantu memastikan dasar-dasar kerajaan dan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dilaksanakan.

7. Sementara itu penggunaan ICT sebagai *enabler* dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan akan terus dipertingkatkan lagi. Tumpuan adalah untuk memastikan perkhidmatan diberikan dengan pantas, menjimatkan kos, secara bersepadu dan memenuhi

kehendak kumpulan sasar. Sebagai contoh, penggunaan aplikasi ICT di Jabatan Imigresen telah membolehkan pemerosesan permohonan passport Malaysia dipercepatkan. Pengeluaran passport gantian dapat disiapkan dalam tempoh 24 jam, manakala pengeluaran passport kali pertama dapat disempurnakan dalam tempoh dua hari bekerja. Begitu juga urusan-urusan Pendaftaran Negara telah dapat dipercepat dan dipermudahkan melalui ICT.

8. Dalam tahun ini, dan tahun-tahun akan datang, aplikasi ICT akan diperluaskan secara bermakna dalam pemberian perkhidmatan oleh lain-lain Jabatan dan Kementerian yang memerlukan “reengineering” atau “merekayasa”, bukan setakat mengkomputerkan proses yang sama seperti dahulu.

9. Satu aspek penting dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan awam adalah menerusi sistem pengurusan aduan yang cekap. Semua jabatan dan agensi kerajaan adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang aduan, mahupun rungutan, terhadap perkhidmatan yang diberikan dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan masing-masing.

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Hadirin dan Hadirat  
Yang Dihormati Sekalian,**

**10. Perkhidmatan awam menyedari amanah dan tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakannya untuk mencapai Visi dan Misi Nasional.**

**11. Justeru, warga perkhidmatan awam akan terus digembleng untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka secara efektif. Satu sistem pengurusan modal insan yang berteraskan prinsip merit dan berasaskan prestasi, sedang dilaksanakan bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang membudayakan budaya kerja berprestasi tinggi. Kompetensi penjawat awam akan terus ditingkatkan melalui pelbagai kursus dan kaedah latihan bagi memastikan dasar dan projek kerajaan dilaksanakan dengan jayanya.**

**12. Perkhidmatan awam juga akan meningkatkan keupayaan sistem pemantauan bagi memastikan objektif dan *outcome* sesuatu program dan projek dicapai seperti yang dirancang, serta dapat menambah kesejahteraan hidup rakyat.**

**13. Bagi memastikan perkhidmatan awam benar-benar dapat melaksanakan tugas dan**

tanggungjawabnya dengan penuh ketelusan dan kejujuran, aspek integriti dan akauntabiliti penjawat awam akan terus diperkukuhkan. Penjawat-penjawat awam menyedari akan pentingnya kami membudayakan prinsip integriti dan akauntabiliti. Perkhidmatan awam yang bersih, cekap dan amanah amat penting untuk menjayakan agenda pembangunan negara dengan cekap, dan isu integriti ini tidak akan dikompromikan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,

14. Seluruh anggota perkhidmatan awam amat menyedari amanah dan tanggungjawab besar yang harus dipikul demi memberikan khidmat bakti kepada rakyat dan negara. Saya yakin kerjasama erat di antara anggota pentadbiran dan penjawat awam akan menjadi pemangkin dan resepi yang berkesan untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan seluruh program dan projek pembangunan kerajaan.

15. Perkhidmatan awam akan terus melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya secara profesional dalam melaksanakan segala dasar yang ditetapkan oleh kerajaan yang memerintah. Berdasarkan pengalaman

yang lalu, perkhidmatan awam berupaya memikul amanah dan tanggungjawab ini, seterusnya akan berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat dan negara.

16. Memang tidak dapat dinafikan masih banyak ruang yang boleh diperbaiki lagi. Sehubungan dengan ini, perkhidmatan awam telah banyak menerima bimbingan dan nasihat daripada Y.A.B. Perdana Menteri sendiri sepanjang tempoh Y.A.B. Dato' Seri menerajui kepimpinan negara. Lebih istimewa lagi, kerana Y.A.B. Dato' Seri sendiri pernah berkhidmat sebagai Pegawai Kanan dalam perkhidmatan awam. Oleh itu, sempena menyambut kedatangan tahun 2007 ini, kami amat menghargai amanat dan nasihat Y.A.B. Dato' Seri, selaku perancang dan arkitek utama Rancangan Malaysia Ke-9 dan sebagai Ketua Kerajaan, terutamanya dalam konteks menghadapi isu dan cabaran negara pada masa kini.

17. Untuk itu, saya dengan segala hormatnya menjemput Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia untuk menyampaikan ucapan dan amanat beliau, sempena Majlis Perdana Perkhidmatan Awam 2007.

**Sekian,**

***Wabillahitaufiq Walhidayah***

***Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***